

Komunikasi Guru Dalam Bilik Darjah Dan Tingkahlaku Delinkuen Murid Sekolah Menengah

ABSTRACT

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti halangan dan hubungan antara komunikasi guru dalam bilik darjah dengan tingkah laku delinkuen murid di sekolah menengah. Kaedah tinjauan menggunakan soal selidik melibatkan responden seramai 80 orang yang terdiri daripada guru. Data-data kajian dianalisis melalui SPSS menggunakan statistik deskriptif seperti kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai manakala statistik inferensi yang digunakan Korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa halangan kepada keberkesanan komunikasi guru dalam bilik darjah ialah guru selalu tidak masuk kelas manakala analisis korelasi Pearson menunjukkan wujud hubungan negatif yang signifikan antara komunikasi guru dalam bilik darjah, komunikasi lisan dan bukan lisan guru dengan tingkah laku delinkuen murid.